

**AKHBAR : BERITA HARIAN****MUKA SURAT : 22****RUANGAN : NASIOANAL**

Dzafarullah (dua dari kiri) melihat pameran pada program Jelajah Scan, Sahih dan Selamat di Management and Science University (MSU), semalam. (Foto Amirul Aimaun Hamsuddin/BH)

## Ubat, produk kesihatan tak berdaftar RM4.2j dirampas

**Shah Alam:** Sebanyak 857 ubat-ubatan dan suplemen penjagaan kesihatan tidak berdaftar bernilai RM4.2 juta dirampas dalam 124 serbuan di Selangor sepanjang Januari hingga Mei lalu.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi), Dzafarullah Daud, berkata serbuan dilakukan Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Selangor berdasarkan maklumat awam

dan risikan.

“Rampasan membabitkan tiga kategori produk utama iaitu perangsang seks, pelangsingan badan dan memutihkan kulit atau wajah.

“Hasil pemeriksaan mendapati produk itu tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan (KKM), sekali gus mendatangkan risiko kepada masyarakat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada program Jelajah Scan,

Sahih dan Selamat di Management and Science University (MSU) di sini, semalam.

Terdahulu, program dirasmikan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM, Roselan Ishak. Yang turut hadir, Presiden MSU, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid.

Dzafarullah berkata, siasatan kes dijalankan mengikut Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Oleh Amirul Aiman  
Hamsuddin  
am@hmetro.com.my

**Shah Alam**

**W**aspada terhadap ubat-ubatan haram atau tidak berdaftar dijual berleluasa di pasaran.

Ia terbukti apabila Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Selangor merampas 857 ubat-ubatan dan makanan penjagaan kesihatan tidak berdaftar bernilai RM4.2 juta menerusi 124 serbuan di negeri ini sepanjang Januari hingga Mei lalu.

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Selangor (Farmasi) Dzafarullah Daud berkata, serbuan dilakukan berdasarkan hasil maklumat awam risikan pihaknya yang kebiasaananya mengambil masa selama dua bulan.

# Ubat haram RM4.2 juta

*Jabatan Kesihatan Selangor rampas 857 produk tak berdaftar dalam 124 serbuan sejak Januari*

"Rampasan membabitkan tiga kategori produk utama iaitu perangsang seks, pelangsing badan dan memutihkan kulit atau wajah.

"Hasil pemeriksaan mendapati produk berkenaan tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan (KKM), sekali gus mendarangkan risiko kepada masyarakat," katanya ketika ditemui pada program Jejak Scan, Sahih dan Selamat di Management and

Science University (MSU) di sini, semalam.

Terdahulu, program dirasmikan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM, Roselan Ishak. Hadir sama, Presiden MSU, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid.

Dzafarullah berkata, siasatan kes dijalankan mengikut Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Di samping itu, beliau berkata, pihaknya juga telah menyaring dan menyekat sebanyak 264 laman sawang dan laman sosial yang didapati melanggar peraturan ditetapkan sepanjang tahun lalu.

"Ia termasuk membabitkan kesalahan mengiklan dan menjual ubat-ubatan dan suplemen penjagaan

kesihatan yang tidak berdaftar.

"Untuk itu, kita sentiasa proaktif menjalankan pemantauan seumpama itu selain pemeriksaan dan serbuan ke atas premis penjualan," katanya.

Pada masa sama, semua ubat-ubatan dan suplemen penjagaan kesihatan perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dijual kepada orang ramai.

"Pendaftaran itu adalah kaedah yang ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

"Ini bagi menjamin keselamatan dan kualiti semua ubat-ubatan dan suplemen penjagaan kesihatan," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL


**POLIS BUKA KERTAS SIASATAN****Derma darah dapat mi segera perisa daging babi**

**Batu Pahat:** Pengajur program derma darah memohon maaf kepada orang ramai yang menerima beg cenderahati berisi mi segera berperisa daging babi cincang ketika program derma darah di pusat beli-belah di sini, Ahad lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola program berkenaan, Lou Kok Meng berkata, perkara berkenaan tidak disengajakan dan pihaknya akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kejadian terbabit.

"Pihak pengajur mengambil maklum mengenai perkara itu dan sentiasa bersedia untuk memberi kerjasama dengan pihak berkuasa bagi membantu siasatan."

"Wakil daripada kami juga sudah ke bahagian Pengurusan Pentadbiran Hospital



PIHAK pengajur sudah memohon maaf kepada orang ramai.

Sultanah Nora Ismail (HSNI) Batu Pahat untuk memberi penjelasan mengenai kejadian itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, ketika ini pihaknya hanya mampu memohon maaf kepada orang ramai terutamanya kepada pengunjung yang datang

menderma darah dalam program berkenaan dan akan memperbaiki keadaan itu.

Sementara itu, polis membuka kertas siasatan terhadap kes berkaitan pemberian cenderahati yang mengandungi mi segera berperisa daging babi cincang ketika program derma darah itu.

Ketua Polis Daerah Batu Pahat Asisten Komisioner Ismail Dollah berkata, polis menerima laporan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai perkara berkenaan pada 11.38 pagi kelmarin.

"Laporan berkenaan mengenai sebahagian daripada penderma darah menerima bungkusan cenderahati mengandungi mi segera diperdayai berperisa daging babi cincang.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : NEGARA

# 'Ubat seks antara RM4.2 juta rampasan'

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

**SHAH ALAM** – Ubat peransang seks antara 857 jenis ubat-ubatan dan suplemen kesihatan tidak berdaftar bernilai RM4.2 juta berjaya dirampas pihak berkuasa di Selangor setakat ini.

Rampasan produk haram itu dilakukan menerusi 124 serbuan oleh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Kementerian Kesihatan (KKM) negeri sepanjang tahun ini sehingga bulan lalu.

Timbalan Pengarah (Farmasi) Kesihatan Selangor, Dzafarullah Daud berkata, kesemua serbuan itu dilakukan menerusi hasil maklumat awam dan risikan yang kebiasaannya memakan masa selama dua bulan.

Katanya, rampasan itu melibatkan tiga kategori produk utama iaitu perangsang seks, pelangsingan badan dan pemutih kulit atau wajah.

"Pemeriksaan lanjut mendapati produk itu tidak berdaftar dengan KKM sekaligus mendatangkan risiko kepada masyarakat.

"Siasatan kes itu dijalankan mengikut Akta Racun 1952, Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984," katanya ketika ditemui pada program Jelajah Scan, Sahih dan Selamat di Management & Science University (MSU), di



**KKM merampas ubat peransang seks, pelangsing badan dan pemutih kulit dalam 124 serbuan dengan nilai RM4.2 juta.** – GAMBAR HIASAN

sini semalam.

Program itu dirasmikan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM, Roselan Ishak dan turut dihadiri Presiden MSU, Prof. Tan Sri Dr. Mohd. Shukri Ab. Yajid.

Jelas Dzafarullah, pihaknya turut menyaring dan menyekat 264 laman sesawang yang didapati melanggar peraturan ditetapkan sepanjang tahun lalu.

"Ia termasuk melibatkan kesalahan mengiklan dan menjual ubat-ubatan dan suplemen kesihatan tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).

"Pendaftaran itu merupakan kaedah yang ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 bagi menjamin keselamatan, keberkesanannya dan kualitinya," katanya.